

Nama: ..... Kelas : .....

**SULIT**  
011  
Bahasa Melayu (SK)  
1 Jam  
Set 3

**JABATAN PENDIDIKAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PROGRAM CANANG  
SEKOLAH-SEKOLAH RENDAK NDSK  
2001**

---

**BAHASA MELAYU (SK)**  
Ujian Pemahaman  
Satu Jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **50 soalan**. Jawab **semua** soalan.*
2. *Jawab dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.*
3. *Cara menjawab adalah seperti di bawah ini.*

*Contoh Soalan:*

*Ali menulis namanya pada buku dengan*

- A** pembaris*
- B** pemadam*
- C** pensel*
- D** kapur*

*Jawapan yang betul bagi contoh soalan ialah **pensel** dan hurufnya ialah **C**.  
Lihat Contoh pada kertas jawapan yang diberi. Ruangan bagi huruf **C** telah dihitamkan.*

4. *Bagi **satu** soalan hitamkan **satu** ruangan sahaja.*
  5. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.  
Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
-

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Antaranya satu sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan yang betul itu, Kemudian, pada kertas jawapan kamu, hitamkan ruangan yang mempunyai huruf yang sama dengan pilihan jawapan yang telah kamu pilih itu.

### Soalan 1 hingga soalan 5

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Walaupun sebahagian besar planet kita dikelilingi air, namun ia juga kaya dengan limpahan flora dan fauna. Kewujudan flora dan fauna ini menjadi penyeri wajah bumi. Di antara beribu-ribu tumbuhan yang memancarkan kecantikan, adajuga sejenis pohon yang dipanggil periuk kaca. Namanya turut menimbulkan satu keanehan apatah lagi setelah melihatnya sendiri.

Terdapat sekurang-kurangnya 70 spesis periuk kaca di Asia Tenggara. Kebanyakannya berpusat di persekitaran Gunung Kinabalu, Sabah. Pohon ini juga boleh didapati di Sri Lanka, Madagascar, New Guinea dan Australia Utara. Di kepulauan Sumatera saja terdapat 12 spesis manakala di Filipina antara 8 hingga 10 spesis telah direkodkan.

Apa yang menarik tentang pohon ini ialah ciri-ciri aneh yang dimilikinya berbanding dengan pokok-pokok lain. Umumnya, sifat-sifat sesebuah pohon itu agak sama sahaja, yakni memerlukan klorofil, karbon dioksida, tanah-tanah, air dan sebagainya. Apa yang aneh tentang periuk kaca ialah terdapat sebuah kantung laksana trumpet atau botol berbentuk lonjong. Pokok ini juga berupaya memproses bahan makanannya sendiri.

Fungsi struktur berbentuk trumpet itu adalah sebagai ijerat kepada serangga kecil seperti semut. Ini dapat dilihat apabila seekor serangga berjalan-jalan di atas permukaan yang licin, sejenis cecair lekit akan menyebabkan serangga itu **tergelincir** dan masuk ke dalam mangkuk. Selepas itu, serangga tadi akan dihadamkan oleh enzim yang dikeluarkan oleh pohon itu sendiri.

Dengan ini pokok periuk kaca digolongkan sebagai pokok kamivor, yakni berupaya menangkap serangga. Pokok ini juga sering disangka sebagai pokok bunga kerana struktur mangkuknya turut menyerupai kuntuman bunga. Tetapi sehingga kini belum ada usaha untuk mengkomersilkannya sekalipun mempunyai pelbagai bentuk dan wama.

Majalah Fokus, Mei 1996

1. Di manakah pokok periuk kaca tidak ditemui?
  - A Sabah dan New Guinea
  - B Australia Utara dan Sumatera
  - C Cina dan Kemboja
  - D Filipina dan Sri Lanka
  
2. Apakah keistimewaan pokok periuk kaca?
  - A Periuk kaca hidup di puncak gunung
  - B Periuk kaca tidak mempunyai klorofil
  - C Boleh menarik perhatian mangsanya
  - D Mempunyai kantung atau mangkuk

3 Berikut adalah perkara yang benar mengenai periuk kera **kecuali**

- A periuk kera merupakan sejenis bunga
- B kebanyakan periuk kera hidup di sebelah Asia Tenggara
- C mempunyai pelbagai bentuk dan wama
- D memproses sendiri makanannya

4 Tugas kantung pada pokok periuk kera ialah untuk

- A menakung air
- B menjerat mangsanya
- C mengeluarkan cecair pekat
- D menarik perhatian mangsanya

5 Perkataan **tergelincir** dalam petikan di atas bererti

- A terkehel
- B tergoiek
- C tersandung
- D terjatuh

**Soalan 6 hingga Soalan 10**

Bacapetikan di bcmah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

1080, Taman Permai 2,  
70200 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

15 JANUARI 2001

Menemui Kakanda Aini yang kini berada di Kota Kinabalu, Sabah dengan selamatnya. Semoga kakanda beroleh kesejahteraan dan kebahagiaan. Adinda di sini sentiasa sihat dan gembira.

Kakanda,

Surat kakanda telah selamat adinda terima dua hari yang lalu. Ribuan terima kasih adinda ucapkan kerana kakanda sudi meluangkan masa untuk mengutuskan surat kepada adinda. Adinda sungguh tertarik apabila membaca cerita kakanda tentang keindahan Taman Negara Kinabalu. Kakanda sungguh bertuah kerana berpeluang untuk menikmati kehijauan dan keindahan alam di sana. Alangkah seronoknyajika adinda dapat bersama-sama kakanda pada masa itu.

Adinda juga mempunyai cerita menarik untuk dikongsi bersama kakanda. Pada minggu pertama cuti sekolah yang lepas adinda telah mengikuti satu perkhemahan di Hutan Lipur Galah. Aktiviti ini khas dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada murid-murid Tahun Enam berkaitan dengan perkhemahan.

Pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan sepanjang perkhemahan ini aataranya ialah aktiviti pertolongan cemas, sukan dan rekreasi. Semua aktiviti ini adinda ikuti dengan penuh semangat.

Pada hari terakhir, adinda dan rakan-rakan berpeluang meredah hutan. Aktiviti ini dijalankan untuk menguji ketahanan mental dan fizikal para peserta di dalam menempuh rintangan dan cabaran. Walaupun kepenatan, adinda merasa sungguh seronok mengikuti aktiviti perkhemahan ini.

Adinda berharap agar program ini dapat diteruskan kerana banyak manfaat yang akan diperolehi oleh setiap peserta yang mengikuti perkhemahan ini.

Adinda rasa cukuplah sampai di sini bicara adinda pada kali ini. Adinda akan menulis lagi untuk kakanda apabila ada kelapangan kelak. Akhir kata, sambutlah salam rindu daripada adinda, bonda dan ayahanda serta keluarga.

Adindamu,  
Surya

**6** Bilakah penulis menerima surat dari Kota Kinabalu?

- A 11 Januari 2001
- B 12 Januari 2001
- C 13 Januari 2001
- D 15 Januari 2001

**7** Apakah keistimewaan Taman Negara Kinabalu yang menarik perhatian penulis?

- A Kedudukannya yang terietak di kawasan tanah tinggi.
- B Keindahan dan kehijauan alam semulajadinya.
- C Jumlah pelancong asing yang mengunjunginya pada setiap tahun.
- D Kemudahan awam yang disediakan untuk menjamin keselesaan para pengunjung.

- 8 Siapakah yang telah menganjurkan perkhemahan di Hutan Lipur Galah?
- A Persatuan Pengakap
  - B Setiausaha Sukan
  - C Murid-Murid Tahun 6
  - D Pihak sekolah
- 9 Penulis bercadang untuk mengirimkan berita kepada kakaknya
- A setelah selesai menduduki peperiksaan UPSR.
  - B apabila mendapat balasan daripada kakaknya.
  - C apabila dia mempunyai masa terluang.
  - D setelah selesai mengikuti aktiviti perkhemahan.
- 10 Pernyataan berikut benar tentang tujuan perkhemahan itu dijalankan **kecuali**
- A menyemai sikap berdikari di kalangan pelajar.
  - B memupuk sikap cintakan alam sekitar.
  - C mencungkil kreativiti pelajar.
  - D menjalinkan hubungan yang baik di antara guru dan murid-murid.

**Soalan 11 hingga soalan 15**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

**Catatan Harian Persatuan Pengakap Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Melewar**

Seramai 25 orang pelajar dan 8 orang guru pengiring Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Melewar, Seremban telah menyahut cabaran untuk mendaki Gunung Tahan. Ahli rombongan ini terdiri daripada pasukan pengakap sekolah. Ekspedisi ke gunung tersebut telah diadakan pada bulan Mei 2000. Berikut adalah catatan tentang ekspedisi tersebut.

**Sabtu, 4 Mei 2000**

7.00 pagi  
2.00 petang

Bertolak dari Seremban dengan menaiki bas ke Kuantan. Sampai di Kuantan dan bermalam di sana.

**Ahad, 5 Mei 2000**

7.00 pagi  
10.00 pagi

Bertolak ke Kuala Tembeling melalui Jerantut. Menaiki bot ke Kuala Tahan. Bot mengalami sedikit kerosakan. Beralian ke Lubuk Simpon untuk berkhemah di sana.

**Isnin, 6 Mei 2000**

7.00 pagi  
  
8.00 malam

Meneruskan perjalanan menuju ke Kern Sungai Melanti. Kami membatalkan rancangan untuk berkhemah kerana gangguan lebah.

Meneruskan perjalanan menuju ke Kern Tengah dan bermalam di situ. Bekalan air kehabisan dan terpaksa minum air akar kayu yang dicantas.

**Selasa, 7 Mei 2000**

7.30 pagi  
  
7.30 malam

Mendaki Gunung Gedoug dengan menggunakan tali belati. Kami mesti berwaspada kerana tempat ini paling berbahaya dan sangat curam.

Tiba di Kem Padang dan berkhemah di situ.

**Rabu, 8 Mei 2000**

6.30 pagi  
  
  
  
2.00 petang

Mula mendaki Gunung Tahan untuk menyaksikan matahari terbit. Tiba di kemuncak ketinggiannya 2187 meter. Udara yang sejuk dan menyegarkan. Pemandangan sungguh cantik dan memikat hati walaupun kurang jelas akibat kabut tebal. Kami mencacahkan Jalur Gemilang. Kemudian kami mengukir nama masing-masing di atas batu di situ.

Turun dan bermalam di Kem Padang.

**Khamis, 9 Mei 2000**

8.00 pagi

Bertolak balik dan sampai di Kuala Tahan hampir senja. Bermalam di situ.

**Jumaat, 10 Mei 2000**

7.00 pagi  
  
6.30 petang

Meneruskan perjalanan ke Kuala Tembeling. Bertolak balik melalui Lebuhraya Muazam Shah - Segamat.

Tiba di Seremban

- 11 Apakah tujuan ekspedisi itu diadakan?
- A Menikmati keindahan Gunung Tahan
  - B Memacakkan bendera Malaysia
  - C Membuktikan kebolehan pelajar-pelajar itu
  - D Memperoleh pengalaman berkhemah
- 12 Pada malam ketiga rombongan ekspedisi berkhemah di
- A Kem Tengah
  - B Kem Padang
  - C Kem Sungai Melanti
  - D Kem Lubuk Simpon
- 13 Ekspedisi mendaki Gunung Tahan dijalankan pada hari
- A ketiga
  - B keempat
  - C kelima
  - D keenam
- 14 Berikut adalah **benar** tentang ekspedisi itu **kecuali**
- A rombongan ekspedisi tiba di puncak Gunung Tahan pada hari kelima
  - B perjalanan dari Jerantut ke Kuala Tahan tidak menghadapi sebarang masalah
  - C ekspedisi mendaki Gunung Gedong merupakan ekspedisi yang mencabar
  - D perkhemahan di Kem Tengah menguji kebijaksanaan ahli ekspedisi tentang kehidupan di hutan.
- 15 Pada pendapat anda, mengapakah peserta ekspedisi mengukir nama masing-masing di atas batu puncak Gunung Tahan? A B C D
- A Menunjukkan bakat mereka mengukir
  - B Salah satu aktiviti yang diwajibkan kepada mereka
  - C Sebagai tanda mereka pernah sampai di Gunung Tahan
  - D Sebagai tanda tapak perkhemahan mereka

## Soalan 16 hingga soalan 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, para hakim yang ariflagi bijaksana, Yang Berusaha Guru Besar, Yang dihormati guru-guru serta rakan sekalian. Selamat sejahtera saya ucapkan. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah 'Pentingnya Murid Menyertai Kegiatan Kokurikulum di Sekolah.'

Hadirin sekalian,

Kegiatan kokurikulum merupakan sebahagian daripada aktiviti dijalankan di sekolah. Kegiatan ini **merangkumi** Persatuan Bahasa Melayu, Persatuan Matematik dan Sains dan lain-lain. Unit beruniform pula terdiri daripada Pengakap, Bulan Sabit Merah, Puteri Islam dan lain-lain. Melalui kegiatan ini murid-murid akan menyedari betapa pentingnya menjadi ahli yang bertanggungjawab dan berdisiplin.

Melalui persatuan, murid-murid dapat menimba ilmu pengetahuan mengenai sesuatu perkara menerusi ceramah atau penerangan yang diberikan oleh guru atau penceramah jemputan. Murid juga boleh menambah pengetahuan mereka contohnya seperti merawat luka, cara-cara mendirikan khemah dan sebagainya. Pergaulan antara murid-murid yang pelbagai kaum juga dapat menyemai sikap bertolak ansur dan bertimbang rasa.

Sebelum saya mengundurkan diri, sekah lagi ingin saya tegaskan di sini bahawa kegiatan kokurikulum sangat penting dalam melahirkan murid yang berdisiplin, berdikari dan bertanggungjawab. Untuk menjayakannya, kerjasama yang padu antara guru, penjaga serta murid-murid amat diharapkan.

Sekian, terima kasih.

16 Siapakah yang menyampaikan syarahan di atas?

- A Guru persatuan
- B Peserta pertandingan
- C Guru Besar
- D Pengerusi majlis

17 Kegiatan kokurikulum dapat melahirkan individu yang bertanggungjawab dan bertimbang rasa **kerana**

- A pergaulan pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum.
- B pelajar mempelajari sesuatu yang baru.
- C murid-murid boleh menyertai persatuan dan unit beruniform.
- D murid-murid menjalani aktiviti yang mencabar.

18 Apakah perkara utama yang ingin disampaikan oleh peserta syarahan ini?

- A Murid-murid memerlukan bimbingan dalam kegiatan kokurikulum.
- B Masa lapang murid perlu diisi dengan perkara yang berfaedah.
- C Melahirkan murid yang berdikari, berdisiplin dan bertanggungjawab.
- D Murid-murid bebas menyertai sebarang persatuan.



19 Berikut merupakan kebaikan menyertai kegiatan kokurikulum **kecuali**

- A melahirkan murid yang bertaJnggungjawab.
- B menimba ilmu pengetahuan tentang sesuatu perkara.
- C menjauhkan pelajar daripada kegiatan yang tidak sihat.
- D pelajar banyak membuang masa mereka di sekolah.

20 Perkataan **merangkumi** dalam petikan di atas bermaksud

- A menguasai
- B membawa
- C mencakupi
- D melibati

**Soalan 21 hingga soalan 33**

*Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisi ke tempat kosong dalam ayat di bawah.*

21 Sebaik sahaja Mak Siah, wakil pihak lelaki \_\_\_\_\_ punggung, Mak Andam pun memulakan acara.

- A meletakkan
- B menurunkan
- C menjatuhkan
- D melabuhkan

22 Pokok yang tumbuh di puncak gunung itu kelihatan \_\_\_\_\_ jika dilihat dari jauh.

- A berbalam-balam
- B suram
- C sayup-sayup
- D beralun-alun

23 Kilang Beras Mahsuri berjaya \_\_\_\_\_ jumlah pengeluarannya selama tiga tahun berturut-tumt.

- A ditingkatkan
- B tingkatan
- C meningkatkan
- D meningkat

24 Semua pekebun kecil boleh \_\_\_\_\_ kesenangan, jika rajin \_\_\_\_\_ mempelbagaikan hasil tanaman mereka.

- A menikmati.... berusaha
- B nikmati.... usahakan
- C meiuamatkan .... mengusahakan
- D dinikmati .... diusahakan

25 Suhu badan Hairul meningkat \_\_\_\_\_ 37 darjah celcius \_\_\_\_\_ 42 darjah celcius sejak dia demam.

- A daripada .... kepada
- B dari.... ke
- C dari.... kepada
- D daripada .... ke

26 Hamid \_\_\_\_\_ apabila mendapat tahu kputusan UPSR akan diumumkan esok.

- A bagai pelita kehabisan minyak
- B seperti embun di hujung rumput
- C seperti duduk dalam duri
- D bagai dcnai gajah lalu

- 27 Khairul Azmi terpaksa menjadi \_\_\_\_\_ untuk menggantikan penjaga gol pasukan hoki yang tidak hadir ke sekolah kerana demam.
- A ibu keladi  
B batu loncatan  
C anak gerhana  
D bidan terjun
- 28 Rahimah memang \_\_\_\_\_ . Segala nasihat emak tidak dihiraunya.
- A telinga kualiti  
B muka tembok  
C bodoh sepat  
D akal kancil
- 29 Azizi membacakan \_\_\_\_\_ ayat seperti yang diminta oleh gumnya.
- A secebis  
B sepotong  
C sejambak  
D serangkap
- 30 \_\_\_\_\_ dia tidak mampu melakukan kerja itu, \_\_\_\_\_ pula aku yang baru belajar.
- A Walaupun, bagaimana  
B Biar pun, tetapi  
C Sedangkan, inikan  
D Sungguhpun, bahkan

### Soalan 31 hingga soalan 33

*Pilih perkataan yang sama erti dengan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah..*

- 31 Encik Sulaiman mengingatkan anaknya agar jangan memendam perasaan marahnya..
- A membendung  
B menyimpan  
C mengawal  
D membasmi
- 32 Ayah tidak suka makan nasi dalam pinggan yang pipih itu.
- A kecil  
B sumpek  
C leper  
D rata

### Soalan 33 hingga soalan 34

Pilih kata yang berlawanan bagi kata yang bergaris.

- 33 Kawasan di kaki Bukit Seguntang itu kelihatan samar kerana diliputi oleh kabus tebal selepas hujan lebat.
- A cantik  
B cerah  
C jelas  
D terang

34 Sifat Junaidah yang lokek itu memang diketahui oleh rakan-rakan sekelasnya.

- A kedekut
- B pemurah
- C amanah
- D peramah

### Soalan 35 hingga soalan 37

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca** yang betul.

- 35 A Kata Hani, "tolong ambilkan buku saya di atas meja itu,"  
 B Kata Hani, 'Tolong ambilkan buku saya di atas meja itu'.  
 C Kata Hani, 'Tolong ambilkan buku saya di atas meja itu.'  
 D Kata Hani, 'tolong ambilkan buku saya, di atas meja itu,'
- 36 A "Sesudah diisi, serahkan borang ini, kepada Cikgu Azman!" Kata kerani itu kepada Mimi.  
 B "Sesudah diisi, serahkan borang ini kepada Cikgu Azman," kata kerani itu kepada Mimi.  
 C "Sesudah diisi, serahkan borang ini, kepada Cikgu Azman," kata kerani itu kepada Mimi.  
 D "Sesudah diisi serahkan borang ini, kepada Cikgu Azman," Kata kerani itu kepada Mimi.
- 37 A Persembahan teater Siti Zubaidah kali ke-2 akan diadakan di Panggung Negara pada malam Ahad ini. B C D  
 B Persembahan teater Siti Zubaidah kali ke-2 akan diadakan di panggung Negara pada malam Ahad ini.  
 C Persembahan teater Siti Zubaidah kali ke2 akan diadakan di Panggung Negara pada malam ahad ini.  
 D Persembahan teater Siti Zubaidah kali ke-2 akan diadakan di Panggung Negara pada malam ahad ini.

### Soalan 38 hingga soalan 40

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca** yang betul.

- 38 I Kilang itu pengeluaran bahan-bahan makanan ringan.  
 II Buah durian sangat digemari oleh kebanyakan orang.  
 III Jambatan itu siap dibena pada tahun lepas.  
 IV Para nelayan tidak dapat turun ke laut kerana cuaca buruk.  
 A I dan II sahaja C I, III dan IV sahaja  
 B II dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja
- 39 I Perangai mereka tidak boleh dibiarkan kerana telah melampui batas.  
 II Seramai lima puluh orang anggota polis terlibat dalam operasi itu.  
 III Raman hampir-hampir melanggar kereta itu kerana berhati-hati.  
 IV Anak-anak monyet itu dikejar sesama sendiri.  
 A I dan II sahaja C II, III dan IV sahaja  
 B I, II dan III sahaja D I, II, III dan IV sahaja

**Soalan 40 hingga soalan 41**

Pilih kata ganda yang bergaris dalam ayat di bawah yang membawa maksud saling.

- 40 I Sernua kaum ziarah-menziarahi pada musim perayaan tanpa mengira agama dan bangsa.  
 II Penyanyi terkenal itu tidak putus-putus dihujani surat oleh para penunatnya.  
 III Mereka bertukar-tukar cenderamata sebelum perlawanan itu.  
 IV Menjelang senja, ungka-ungka di tepi hutan akan bersahut-sahutan.  
 A I dan II sahaja C III dan IV sahaja  
 B II dan III sahaja D I, III dan IV sahaja
- 41 I Ani dan Ana berpegang-pegangan tangan semasa melintas jalan.  
 II Mereka tuduh-menuduh apabila disoal.  
 III Pasukan polis berbalas-balas tembakan dengan penjenayah itu.  
 IV "Hujan hanya turun renyai-renyai." kata Hamid.  
 A I dan II sahaja C I, II dan IV sahaja  
 B III dan IV sahaja D I, II, III dan IV

**Soalan 42 hingga soalan 43**

Pilih kata ganda yang bergaris dalam ayat di bawah yang membawa maksud berulang-ulang.

- 42 I Budak itu meraung-raung meminta belas kasihan.  
 II Murid-murid berulang-alik menggunakan jambatan itu.  
 III Dia begitu berhati-hati apabila berucap di khalayak ramai.  
 IV Murid-murid perempuan tersipu-sipu apabila diusik.  
 A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja  
 B II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja
- 43 I Dia mendengar lagu sambil memetik-metik jarinya.  
 II Lembu itu makan rumput sambil mengibas-ngibaskan ekomya.  
 III Ibu tersenyum-senyum melihat telatah lucu adik.  
 IV Kuala Lumpur hingar-bingar dengan bunyi enjin kenderaan.  
 A I, II dan III sahaja C II, III dan IV sahaja  
 B I, III dan IV sahaja D I, II, III dan IV sahaja

**Soalan 44 hingga soalan 45**

Pilih ayat-ayat yang **paling sesuai** sebagai jawapan kepada soalan yang bergaris.

- 44 Mengapakah awak tidak menyiapkan kerja yang saya beri kelmarin?  
 A Maafkan saya, cikgu. Esok akan saya siapkan kerja itu.  
 B Maafkan saya, cikgu. Saya akan menyiapkannya seberapa segera.  
 C Maafkan saya, cikgu. Buku saya tertinggal di rumah.  
 D Maafkan saya, cikgu. Saya tidak dapat menyiapkannya kerana saya demam.

- 45 "Bagaimanakah semua mi boleh berlaku? Bukankah kamu telah diingatkan supaya jangan bergaduh lagi."
- A Saya dipukul tanpa usul periksa oleh mereka.  
 B Saya tidak tahan mendengar ejekan mereka lalu bergaduh.  
 C Saya menyahut cabaran mereka untuk menguji kekuatan.  
 D Mereka yang memulakan pergaduhan ini dengan memukul saya dari belakang.

#### Soalan 46 hingga soalan 47

Pilih ayat-ayat yang paling sesuai sebagai jawapan kepada soalan yang bergaris.

- 46 Segala persiapan majlis itu dijalankan sejak sebulan yang lalu oleh kakitangan sekolah dan pelajar-pelajar.
- A Sejak sebulan yang lalu kakitangan sekolah dan pelajar-pelajar akan menyiapkan majlis itu.  
 B Majlis itu akan disiapkan oleh kakitangan sekolah dan pelajar-pelajar sejak sebulan yang lepas..  
 C Kakitangan sekolah dan pelajar-pelajar telah menjalankan persiapan untuk mengadakan majlis itu sejak sebulan yang lalu.  
 D Persiapan sejak sebulan yang lalu untuk majlis itu akan dijalankan oleh kakitangan sekolah dan para pelajar.
- 47 "Masalah ini mesti kita selesaikan dengan segera." kata Saijan Mokri.
- A Sarjan Mokri berharap dia dapat menyelesaikan masalah itu dengan segera.  
 B Sarjan Mokri percaya bahawa masalah itu akan dapat diselesaikan dengan segera.  
 C Sarjan Mokri meminta orang-orangnya menyelesaikan masalah itu dengan segera.  
 D Sarjan Mokri berharap agar masalah itu dapat diselesaikan dengan segera.

#### Soalan 48 hingga soalan 50

Pilih ayat-ayat yang paling sesuai sebagai jawapan kepada soalan yang bergaris.

- 48 I I Bubuhlah sedikit gula kerana rasa minuman itu tawar.  
 II Tawarlah harga barangan itu sedikit, harganya mahal sangat.  
 III Pemain-pemain tawar hati untuk meneruskan permainan kerana pengadil berat sebelah.  
 IV Segeralah berbelanja sementara tawar masih ada.
- A I, II dan III sahaja  
 B I, II dan IV sahaja  
 C II, III dan IV sahaja  
 D I, II, III dan IV
- 49 I "Kacau adunan kuih itu sehingga sehati," kata ibu.  
 II Perangai adik yang suka menjadi kacau tidak kami gemari.  
 III Fikirannya menjadi kacau selepas kematian anak kesayangannya.  
 IV Kacau yang melanda negeri itu menyebabkan rakyatnya melarikan diri.
- A I dan II sahaja  
 B I dan III sahaja  
 C I, II dan IV sahaja  
 D II, III dan IV sahaja

- 50 I Rumah banglo di atas bukit itu beratap genting.  
II Kedudukan pasukan bola sepak negara dalam perlawanan itu genting kerana masa perlawanan hampir tamat.  
III Pinggang gadis itu genting seperti biola.  
IV Dalam keadaan yang genting itu pihak polis berjaya memberkas perompak yang cuba melarikan diri.
- A I dan II sahaja  
B I, II dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D I, II, III dan IV

### KERTAS SOALAN TAMAT